

10/10/2003

Tentera, polis sedia lindungi pusat pelancongan: Shafie

reports on "Dewan Rakyat" by Rohaniza Idris; Veena Rusli  
KUALA LUMPUR: Semua pusat pelancongan yang baru dibuka di Sabah dinasihatkan memaklumkan permulaan operasi mereka kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai langkah keselamatan bagi mengelak kejadian penculikan yang berlaku Ahad lalu, berulang.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata kerjasama itu diperlukan bagi membolehkan pasukan keselamatan seperti ATM dan polis membuat persediaan untuk menempatkan anggota keselamatan di pusat pelancongan jika perlu.

"Memang tidak ada syarat yang menetapkan pusat pelancongan melaporkan pada polis atau tentera mengenai permulaan perniagaan mereka tetapi saya rasa ia perlu untuk menjaga keselamatan kerana kita tidak tahu bilangan pelancong yang datang ke pusat berkenaan.

"Jika kita dapati ramai pelancong dari luar negara dan tempatan yang berkunjung ke pusat pelancongan itu, sudah pasti kita dapat menyediakan kawalan keselamatan termasuk menempatkan anggota kita secara tetap atau melakukan rondaan.

"Di beberapa tempat seperti di Pulau Sipadan, Mabul dan Padanan yang mempunyai ramai pelancong asing dan pernah berlaku kejadian penculikan, kita menempatkan anggota secara tetap di situ.

"Malah, kita juga menyediakan kemudahan komunikasi kepada pusat pelancongan terbabit bagi membolehkan mereka berhubung dengan kita secepat mungkin apabila sesuatu kejadian tidak diingini berlaku," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan rasa kesal dengan kejadian penculikan enam pekerja asing di Borneo Paradise Eco Farm Resort di Lahad Datu, Sabah, Ahad lalu.

Perdana Menteri mengulas kejadian itu sekembalinya dari Sidang Kemuncak Asean Ke-9 di Bali, Indonesia kelmarin berkata, kejadian itu menunjukkan kawalan keselamatan di kawasan berkenaan longgar dan memberi jaminan langkah segera akan diambil untuk mengatasinya.

Dalam kejadian malam Ahad lalu, sekumpulan 10 lelaki bersenjata menyerbu pusat pelancongan itu dan menculik enam pekerja rakyat asing, empat warga Indonesia dan dua rakyat Filipina.

Mengulas lanjut, Mohd Shafie menyifatkan kejadian di Lahad Datu itu adalah perkara yang sering berlaku di persisiran Pantai Timur negeri itu.

"Bagaimanapun, Kementerian Pertahanan memandang berat kejadian itu dan sudah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kawalan," katanya.

Sementara itu, beliau menggalakkan pengusaha tempatan membabitkan diri dalam industri alat ganti pesawat.

Katanya, setakat ini, beberapa syarikat tempatan sudah pun menjalankan kerjasama dengan syarikat luar untuk membangunkan industri alat ganti.

"Antara syarikat itu ialah Composite Technology Research (M) Sdn Bhd (CTRM) dengan Airbus bagi pembangunan peralatan panel kawalan penerbangan pesawat dan Sapura Holdings yang terbabit dalam industri pengendalian kokpit pesawat dan sistem komputer untuk latihan penerbangan," katanya.

Terdahulu, ketika menjawab soalan Nasharudin Mat Isa (Pas-Yan) di Dewan Rakyat, beliau berkata, kerajaan bersetuju membeli 18 pesawat pejuang Su-30 MKM dengan peralatan sokongannya bernilai RM3.4 bilion.

Pembayaran pembelian itu akan dibuat secara tunai mengikut kaedah

bayaran kemajuan iaitu berdasarkan kemajuan kerja yang dilaksanakan.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ho Cheong Sing, berkata kerajaan mengambil beberapa langkah untuk menghadapi cabaran dan persaingan pasaran yang lebih terbuka berikutan tamatnya sekatan kuota tekstil dan pakaian ke pasaran utama negara Eropah dan Amerika Syarikat akhir tahun depan.

Beliau berkata, antara langkah yang diambil termasuklah membenarkan syarikat melaksanakan subkontrak ke luar negara bagi kerja yang mempunyai intensif buruh seperti menjahit.

Selain itu, katanya kerajaan memberi kelonggaran kepada syarikat yang berorientasi eksport dengan mengecualikan duti import ke atas bahan mentah bagi menjual keluaran siapnya kepada syarikat tempatan.

Beliau berkata, syarikat yang berminat menggunakan khidmat pegawai dagang juga diberikan kelulusan, selain pemberian insentif Elaun Cukai Pelaburan bagi produk tekstil yang tersenarai dalam promosi galakan kerajaan.

Dalam perkembangan yang sama, katanya industri tekstil dan pakaian adalah perusahaan yang berpotensi untuk diintegrasikan di negara anggota Asean.